



AHMAD Zubaidi (kanan) memotong tembikai yang ditanam melalui teknologi 'Effective Microorganism'.

UniSZA hasilkan tembikai guna teknologi bebas bahan kimia

Besut: Walaupun tidak menggunakan racun rumpai atau bahan kimia dalam penanaman tembikai, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) berjaya mengeluarkan 300 tan buah itu di ladang seluas 10 hektar di Pengkalan Kubur di sini.

Ia hasil teknologi 'effective microorganism' yang diperkenalkan UniSZA untuk kegunaan 11 petani dalam usaha untuk mengeluarkan hasil tani yang bebas daripada sebarang pencemaran bahan kimia.

Seorang peserta, Kamaruddin Yusoff, 66, berkata, pada mulanya dia menganggap projek tanaman itu tidak berjaya memandangkan ia berlangsung ketika musim tengkujuh pada tahun lalu.

"Ia ditanam di luar musim bagi kebanyakan tembikai biasa, malah tidak menggunakan racun atau bahan kimia untuk menyokong tumbesaran buah. Ini yang menguji kesabaran petani.

"Ramai peserta yang berputus asa, seterusnya berhenti menanam kerana tidak yakin dengan cara terbaru yang diperkenalkan itu.

"Bagaimanapun, saya gembira kerana usaha dan kesabaran menanam tembikai dengan teknologi ini akhirnya berjaya dan tanaman mengeluarkan hasil di luar jangkaan," katanya ketika ditemui di majlis kutipan hasil ladang tanah beris di Kampung Pengkalan Kubur di sini, kelmarin.

Majlis itu disempurnakan Naib Canselor UniSZA Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi Latiff dan Dekan Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) UniSZA Prof Madya Dr Khamsah Suryati Mohd. Kamaruddin berkata, seramai 20

petani terbabit dengan projek itu di peringkat permulaan tetapi hanya tinggal 11 orang disebabkan kurang keyakinan mereka terhadap teknologi berkenaan.

"Memang terasa juga apabila ramai yang berhenti separuh jalan. Hanya yang bersabar, meneruskan projek ini dengan tunjuk ajar UniSZA.

"Akhirnya, dalam tempoh 70 hari (selepas tanam), kami berjaya menuai hasil yang lumayan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengurusan Ladang UniSZA Besut Dr Abd Jamil

Zakaria berkata, pengeluaran 300 tan tembikai itu adalah kejayaan pertama mereka sejak terbabit dengan projek di kampung berkenaan.

Menurutnya, teknik digunakan bukan saja berjaya meningkatkan pengeluaran, malah kualiti tembikai yang dihasilkan lebih selamat dimakan berbanding sebelum ini.

"Menerusi program ini, kami mengagihkan 0.8 hingga satu hektar tanah kepada setiap seorang dan daripada setiap hektar yang diusahakan mampu mengeluarkan 20 hingga 25 tan buah," katanya.



LADANG seluas 10 hektar di Pengkalan Kubur menjadi tempat penanaman tembikai.